

Buku terbitan UNISSA beri penerangan berguna kepada masyarakat



PENOLONG Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Awang Muhammad Khairul Hidayatullah bin Haji Basir semasa ditemui bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 25 Julai. - Sebagai usaha berterusan dalam memberikan penerangan kepada masyarakat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui UNISSA Press akan dan telah menerbitkan buku baharu yang bertajuk 'Inspiring Agripreneurs of Brunei' dan 'The Halalan Thayyiban Products and Services : Series of Compilation'.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Penolong Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Awang Muhammad Khairul Hidayatullah bin Haji Basir, salah seorang penulis buku 'Inspiring Agripreneurs of Brunei' menjelaskan, buku tersebut direalisasikan melalui dana Faculty Research Grant UBD School of Business and Economics (UBDSBE). Ia merupakan manifestasi kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk pengukuhan sekuriti makanan negara (*national food security*).

Buku berkenaan merupakan hasil tulisan beliau bersama dengan dua Pensyarah UBDSBE, iaitu Dr. Siti Fatimahwati binti Pehin Datu Maharajalela Dato Seri Laila Jasa Lt. Kol. (B) Haji Musa dan Pengiran Dr. Siti Rozaidah binti Pengiran Haji Idris.

Awang Muhammad Khairul Hidayatullah seterusnya menjelaskan bahawa buku tersebut memberikan gambaran sebenar dan gambaran baharu dalam mengubah *mindset* dan membuka minda terutamanya para belia untuk menceburi bidang perusahaan pertanian.

Buku berkenaan tambahnya, mengandungi perkongsian dan pengalaman daripada 15 pengusaha tempatan dan pemilik-pemilik syarikat dalam bidang perusahaan pertanian yang sudah kukuh, selain pengusaha-pengusaha yang masih lagi di peringkat awal.

Dengan terhasilnya buku yang mengandungi 131 muka surat itu ujarnya, masyarakat akan mengetahui inisiatif-inisiatif yang telah dibuat oleh para pengusaha tersebut, terutamanya kecekalan mereka untuk terus bertahan di dalam bidang perusahaan pertanian dengan mengetengahkan cabaran-cabaran yang telah mereka hadapi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

Beliau berharap buku tersebut dapat dijadikan sebagai bahan rujukan bagi mereka yang berminat untuk berkecimpung di dalam bidang perusahaan pertanian kerana ia juga mengandungi tatacara, panduan dan saranan sebagai motivasi untuk menceburi bidang ini.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh, salah seorang penulis buku bertajuk 'The Halalan Thayyiban Products and Services : Series of Compilation' semasa ditemui menjelaskan bahawa buku tersebut merupakan hasil koleksi artikel-artikel yang telah dibentangkan di '3rd International Seminar on Halalan Thayyiban Products and Services' pada tahun 2018.

"Alhamdulillah, kita pilih artikel-artikel atau makalah-makalah yang terbaik yang telah dibentangkan dalam seminar tersebut, di mana dibahagikan kepada tiga tajuk besar. Pertama, yang dibincangkan ialah mengenai Halal Quality Managements, di mana artikel yang dimuatkan dalam bahagian pertama ini terdiri daripada Halal Meat Industry di Australia dan juga 'Implementation of Halalan Thayyiban Food Quality Management' di Malaysia dan juga yang berkaitan dengan Cosmetics System di Malaysia," katanya.

Dengan pendedahan Halal Quality Management dari negara luar, terutamanya di Australia dan Malaysia menurutnya, sedikit sebanyak dapat memperkisas lagi industri halal di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Tambahnya, mereka belajar daripada apa yang telah dilaksanakan dan akan menambah apa yang kurang dan setentunya ilmu tersebut dapat dimanfaatkan oleh para pelajar PPHT juga masyarakat di negara ini secara menyeluruh.

Menyentuh mengenai buku tersebut, beliau menjelaskan, dalam bab kedua telah dimuatkan beberapa isu yang berkaitan dengan industri halal, terutamanya dalam pengalaman penyembelihan halal di New Zealand sebagai *case study* dan pada masa yang sama, melihat dalam konteks *meat products supply chain*, di mana makalah ini dituliskan oleh Pensyarah PPHT.

"Yang ketiga, kita melihat tahap kesedaran masyarakat tempatan mengenai *halal food product* di NBD, di mana makalah ini telah ditulis oleh Pensyarah UNISSA, iaitu Dr. Haji Mohammad Abul Fadle bin Haji Maidin bersama ahli penyelidik dari UBD seperti Pengiran Dr. Hajah Siti Noraini binti Pengiran Haji Besar dan juga Noralipah binti Haji Mohammad," terangnya lagi.

Kandungan bab ketiga buku tersebut pula menurutnya, memuatkan dua makalah, di mana dalamnya menyatakan tentang cara mengaplikasikan konsep-konsep halal dalam industri halal seperti makalah yang ditulis berkaitan dengan 'Application of Halal Business Excellence in Malaysia : A case study of PASD' yang merupakan industri yang terbesar di Malaysia, iaitu

mengedarkan Roti Gardenia dan lain-lain jenis roti.

Selepas makalah ini dimuatkan dan dibincangkan secara terperinci tambahnya, maka mereka melihat dalam konteks Maqasid Syariah pula, memandangkan pada masa ini tajuk Maqasid Syariah merupakan tajuk yang amat penting dan perlu diterapkan dalam semua bidang, terutamanya industri halal dengan tajuk 'Application of the Concept of Maqasid Syariah in the Preservation and the Protection of the environment and Health'.

"Harapan daripada buku ini, untuk memperkisas lagi industri halal di NBD dan kita mahu hebohkan dan sebarkan idea-idea, tulisan-tulisan, model-model, peraturan-peraturan, standard-standard yang berkaitan dengan halal kepada masyarakat Brunei dan juga apa yang telah dilaksanakan di negara luar untuk dihayati oleh masyarakat tempatan dan selepas daripada itu, mereka akan cuba mantapkan lagi industri halal yang ada sebab untuk memantapkan diri kita perlu mempelajari daripada orang lain.



PENGARAH Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA, Profesor Madya Dr. Nurdeng Deuraseh, salah seorang penulis buku bertajuk 'The Halalan Thayyiban Products and Services : Series of Compilation'.

Tidak dapat dinafikan, ini merupakan satu idea yang boleh diantarabangsa atau pun diglobalisasikan penerbitan UNISSA memandangkan penulis-penulis makalah ini terdiri juga daripada penulis luar terutamanya dari Australia, New Zealand dan Malaysia. Buku ini

secara tidak langsung akan disebarluaskan di pasaran tempatan dan di luar negara, dan ini juga secara tidak langsung dirujuk oleh masyarakat luar negara di Malaysia apabila buku ini sudah ditempah dan dibeli di perpustakaan luar negara," jelasnya lagi.

Tanam integriti, amanah

The banner on the website reads: "Apabila rasuah sudah berleluasa dan menulari masyarakat, maka masyarakat itu akan kehilangan imej yang baik dan tidak dihormati lagi". It also provides contact numbers for reporting corruption: 8721002 / 8130002 (ACB HQ Kuala Lumpur), 3331513 / 8721003 (ACB Kuala Belait), and an email address info.bmr@acb.gov.bn.

LAMAN Sesawang Biro Mencegah Rasuah (BMR) yang berperanan penting dalam mencegah gejala aktiviti rasuah yang tidak baik.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 25 Julai. - Masalah rasuah merupakan satu jenayah yang jika ia tidak dibendung pasti akan membimbangkan semua pihak. Sekiranya rasuah telah tular dan menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat ia ibarat seperti penyakit barah yang sedang merebak dalam tubuh yang mengakibatkan bencana yang besar kepada negara.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menegaskannya dalam Surah Al-Baqarah menerusi ayat 188 yang tafsirnya: "Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)".

Amalan rasuah berpunca daripada kegagalan diri sendiri dalam mengawal nafsu yang besar (keperluan dan kemampuan), bersifat tamak, cinta kepada kehidupan mewah dengan segera, inginkan cepat kaya, tidak bersyukur sepeleman dengan pesanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ka'ab bin Iyadh Radiallahuanhu yang bermaksud "Sesungguhnya setiap umat ditimpah fitnah (ujian), dan fitnah bagi umatku ialah harta".

Justeru, kesedaran, sokongan dan peranan semua pihak amat diperlukan bagi menyokong segala aktiviti dan usaha mencapai matlamat bersama-sama dengan agensi yang telah dimandatkan iaitu Biro Mencegah Rasuah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam petikan titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Masihi 2008 memandang serius akan implikasi rasuah.

Baginda dalam titah tersebut menyatakan "Jangan anggap rasuah kecil tidak mengapa, tetapi ingatlah akan risikonya. Kecil atau besar, sedikit atau banyak, adalah sama-sama bernama penyakit, yang boleh menjasakan negara. Negara yang karam dengan rasuah adalah negara yang malang".

Adalah penting agar segenap lapisan masyarakat menanamkan nilai-nilai integriti dan sifat amanah agar ia dapat menjadi benteng dan perisai daripada sebarang perilaku negatif termasuk gejala rasuah.

Investigation Unit	
BIRO MENCEGAH RASUAH ANTI-CORRUPTION BUREAU	
ADUAN DAN LAPORAN COMPLAINT AND INFORMATION	*522 1640
Bandar Seri Begawan	8877 0-372
Waktu Bekerja	8877 0-370
Office Hours	Antara 7:45 pagi hingga 4:30 petang
Between 7:45 am to 4:30 pm	Selepas Waktu Bekerja
After Office Hours	333 1513
KUALA BELAIT	872 1002
Waktu Bekerja	813 0002
Office Hours	10
Antara 7:45 pagi hingga 4:30 petang	Between 7:45 am to 4:30 pm
Selepas Waktu Bekerja	333 1513
After Office Hours	872 1003
DAERAH BRUNEI DAN MUARA	872 1003
Bandar Seri Begawan	8877 0-372
Pertanyaan & Sambungan	8877 0-370
Enquiries & Extensions	8877 0-371
Do	238 3575
Do	*238 2211
Do	*238 2472
Do	*238 1364
Do	*238 1385
Do	*238 0961

Sambutan Sawat Sendirian - Denotes Private Exchange

* Caw.

NOMBOR telefon BMR.